

PNB mula kreditkan bonus khas kepada pelabur ASB

KUALA LUMPUR - Permodalan Nasional Bhd. (PNB) akan mengkreditkan bonus khas sebagaimana yang diumumkan pada bulan Disember tahun lalu sebanyak satu sen seunit bagi 10,000 unit pertama kepada pemegang unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) mulai semalam.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, pemberian bonus tersebut bersempena sambutan ulang tahun ke-40 PNB pada 17 Mac ini.

Menurutnya, pengagihan pendapatan tujuh sen seunit dan bonus 0.25 sen seunit untuk ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dikreditkan

ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari lalu.

“Bonus khas ulang tahun ini merupakan penghargaan PNB kepada pemegang unit yang setia setia menyokong kumpulan sebelum ini.

“Kami amat menghargai sokongan pemegang unit dan gembira untuk menghadiahkan bonus khas ulang tahun yang dibayar dari dana proprietari PNB sendiri,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Abdul Wahid menjelaskan, Amanah Saham Nasional Bhd. (ASNB) merupakan syarikat unit amanah terbesar di Malay-

sia dengan 228 bilion unit dalam edaran yang mana 67.3 peratus adalah unit-unit ASB.

Bonus khas berjumlah RM255.12 juta berserta pengagihan pendapatan dan bonus yang telah diagihkan sebelum ini sebanyak RM10.48 bilion, akan memberi manfaat kepada 9.1 juta pemegang unit yang melanggan lebih 145 bilion unit ASB.

Sehubungan itu, lebih 7.5 juta pemegang unit dengan pegangan sehingga 10,000 unit akan menerima pulangan efektif sebanyak 8.25 sen seunit manakala tambahan 1.7 juta pemegang unit akan menerima sekurang-kurangnya 7.25 sen per unit.



PEMBERIAN bonus khas bakal meningkat minat para pelabur untuk terus setia melabur di dalam ASB. - Gambar hiasan